

25/08/2000

Suqiu sokong kenyataan Mahathir

KUALA LUMPUR, Khamis - Jawatankuasa Suqiu hari ini menyatakan sokongan mereka terhadap permintaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya isu hak keistimewaan orang Melayu tidak lagi diperbincangkan.

Pengerusi jawatankuasa itu Quek Suan Hiang dalam satu kenyataan berkata beliau juga berharap Perdana Menteri mengeluarkan arahan yang jelas agar isu itu tidak dibangkitkan lagi.

Bagaimanapun katanya, beliau tetap mengalu-alukan sebarang cadangan untuk berdialog daripada pihak yang berminat termasuk termasuk Pergerakan Pemuda Umno.

Dr Mahathir pada Isnin lalu berkata beliau telah menerima penjelasan timbalan pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) II David Chua mengenai isu itu dan berharap ia tidak diperbesarkan lagi.

Sementara itu Pemuda Barisan Nasional (BN) menerima penjelasan Suqiu berhubung tuntutan membabitkan hak istimewa orang Melayu.

Ketua Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, pada sidang akhbar selepas mesyuarat Pemuda BN hari ini berkata, Suqiu, dalam surat yang dihantar kelmarin, menjelaskan bahawa jawatankuasa itu tidak pernah berniat mempersoalkan hak istimewa orang Melayu.

Surat itu ditandatangani Setiausaha Kehormat Suqiu, Ser Choon Ing, menjelaskan bahawa anggapan Pemuda Umno bahawa apa yang dibangkitkan itu mempersoalkan keistimewaan orang Melayu adalah tidak benar.

"Pemuda BN berpuas hati dan menerima penjelasan ikhlas Suqiu bahawa 17 tuntutan tidak sekali-kali mempersoalkan keistimewaan orang Melayu seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan," katanya.

(END)